

Keyakinan Pengguna Thailand Di Tahap Terendah Sejak Nov 2001 Bernama

3 Apr, 2014

BANGKOK, 3 April (Bernama) -- Indeks keyakinan pengguna Thailand pada Mac mencecah paras terendahnya sejak November 2001 ekoran masalah politik yang masih berlarutan yang dijangka memperlahankan pertumbuhan ekonomi tahun ini.

Keyakinan pengguna dijangka terus turun tahun ini dengan tiada sebarang petanda positif pergolakan politik ini akan berakhir, kata Thanavath Phonvichai, pengarah Pusat Unjuran Ekonomi dan Perniagaan University of the Thai Chamber of Commerce (UTCC).

Beliau berkata terdapat kemungkinan besar pertumbuhan ekonomi Thailand tahun ini tidak berubah atau menguncup dalam suku pertama.

Perbelanjaan bagi barangan tahan lama, pelaburan dan produk konsumer telah menurun apabila pengguna kurang yakin dengan pendapatan masa depan mereka, manakala perniagaan mencatatkan jualan rendah, katanya.

Kaji selidik keyakinan pengguna terhadap 2,256 responden juga menunjukkan keyakinan perbelanjaan bagi kereta baharu, rumah baharu, melancong dan memulakan perniagaan baharu bagi perusahaan kecil dan sederhana telah jatuh ke tahap terendah dalam tempoh lebih daripada dua hingga empat tahun.

Sejajar dengan jangkakan pertumbuhan ekonomi rendah, UTC menganggarkan kadar pengangguran negara tahun ini meningkat kepada satu peratus daripada 0.7 peratus dengan kira-kira 300,000 graduan baharu berdepan kesukaran mencari pekerjaan.

Faktor-faktor negatif lagi yang menjejaskan keyakinan termasuklah peningkatan harga bahan api domestik, kelewatan pembayaran subsidi beras kepada petani, kuasa beli rendah, kebimbangan akan kos hidup tinggi, harga tanaman peladang rendah dan prospek ekonomi global yang tidak menentu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027744>